

BAB TUJUH

MASYARAKAT ORANG ASLI DAN CABARAN PEMBANGUNAN

7.0 Pengenalan

Umumnya masyarakat Orang Asli telah didedahkan dengan dua bentuk pembangunan, pertama pembangunan dirancang dan kedua pembangunan umum. Dalam usaha merealisasikan pembangunan ini pelbagai pihak turut terlibat secara langsung dan tidak langsung. Namun sehingga kini didapati masih ramai di kalangan masyarakat Orang Asli di negara ini berada pada kedudukan taraf sosio ekonomi yang masih rendah.

Pelbagai masalah dan cabaran masih menanti masyarakat Orang Asli. Masyarakat Orang Asli berhadapan dengan masalah kemiskinan, ketiadaan dan kesukaran memperolehi akses kepada aset pengeluaran (Williams-Hunt 1993), kekurangan pendidikan, juga masalah kekurangan kuasa politik.

Cabaran-cabaran ini perlu dihadapi oleh masyarakat Orang Asli sekiranya mereka ingin mengubah nasib diri dan masyarakat mereka. Usaha kearah pengukuhan sumber ekonomi, meningkatkan taraf pendidikan, mengukuhkan kuasa politik, dan membentuk sikap yang lebih berdikari perlu diberi penekanan.

7.1 Belenggu Kemiskinan

Usaha untuk membangunkan masyarakat Orang Asli telah dilakukan melalui pembangunan terancang dan pembangunan umum oleh agensi-agensi awam dan swasta. Menerusi agenda pembangunan Orang Asli, penekanan telah dilakukan dalam bidang ekonomi dan sosial.

Pembangunan ekonomi meliputi program insitu yang terancang dan tersusun, projek jangka pendek seperti tanaman sayuran, ternakan seperti kambing, biri-biri, lembu, dan ternakan ikan. Selain dari itu bantuan juga turut diberikan kepada mereka yang berminat dalam bidang perniagaan kecil seperti mengusahakan kedai runcit, kraftangan, pemerosesan hasil hutan seperti kayu, rotan, buluh, dan bengkel motor

Sementara aspek pembangunan sosial meliputi pemberian kemudahan prasarana, pendidikan di kalangan anak-anak masyarakat Orang Asli, pembinaan sekolah, asrama, kesihatan, pembangunan rohaniah, pembangunan keluarga, pembinaan rumah PPRT, pentadbiran, dan sebagainya.

Sehingga kini program tersebut belum berjaya mencapai metlamat untuk membangunkan masyarakat Orang Asli untuk mencapai taraf sosio ekonomi yang lebih baik. Masih ramai Orang Asli yang tertinggal, miskin, dan mundur dalam

banyak bidang walaupun perlaksanaan berbagai program dilakukan serta peruntukan yang banyak telah diberikan (cf. Yahaya 1994).

Kadar kemiskinan masyarakat Orang Asli masih berada pada tahap yang tinggi. Dianggarkan hampir 80% daripada penduduk Orang Asli memperolehi pendapatan di bawah paras kemiskinan RM320.00 sebulan (Williams-Hunt 1994). Contoh yang paling jelas dalam kes di Langkap, didapati kesemua isi rumah berada di bawah paras garis kemiskinan dengan purata pendapatan antara RM100.00 - RM200.00 sebulan. Manakala di Batu Tiga purata pendapatan sebulan yang antara RM200.00 - RM300.00 sebulan. Hanya 14.2% atau 9 isi rumah dari jumlah keseluruhan yang memperolehi pendapatan lebih dari RM500.00 sebulan. Berdasarkan jumlah pendapatan isi rumah ini, jelas membuktikan kadar kemiskinan di kalangan penduduk Orang Asli masih berada pada tahap yang tinggi.

Di Kampung Langkap didapati 85% daripada isi rumah melibatkan diri dalam kerja-kerja menebang buluh sebagai sumber pendapatan utama, di samping sejumlah 10% melibatkan diri dalam kerja-kerja mencari rotan. Penglibatan mereka dalam bidang ini tidak menjanjikan pulangan pendapatan yang tinggi. Malahan mereka masih terus dibelenggu kemiskinan. Ketiadaan usaha untuk meningkatkan taraf ekonomi serta ketiadaan peluang telah mengekalkan mereka pada tahap di bawah garis kemiskinan.

Selain daripada kelamahan agensi-agensi yang terbabit dalam membangunkan taraf sosio ekonomi masyarakat Jakun, pembangunan umum atau pembangunan wilayah yang melibatkan penebangan hutan turut menyumbangkan ke arah kemiskinan yang lebih mendesak. Masyarakat Jakun terpaksa berdepan dengan masalah kekurangan sumber seperti binatang-binatang liar, buah-buahan, rotan, damar, minyak keruing, dan lain-lain. Kekurangan sumber ini berlaku kesan dari pembangunan pesat untuk tujuan pembangunan, perladangan, pembinaan lebuh raya, pembangunan kawasan rekreasi, dan kegiatan pemburuan haram. Di samping itu pencemaran air kesan dari penggunaan racun dan bahan kimia menyebabkan banyak ikan mati.

Jumlah pendapatan mereka yang berada di bawah garis kemiskinan, kini ditambah lagi dengan kekurangan dan ketiadaan sumber makanan yang boleh diperolehi dari hutan menjadikan masalah semakin rumit. Keadaan ini lebih ketara di Kampung Langkap, penduduknya diancam kekurangan zat makanan dan hampir ketiadaan makanan. Walaupun ubi kayu masih boleh ditanam tetapi binatang liar dan ikan amat sukar diperolehi. Aktiviti menjerat dan menangkap ikan sering dilakukan tetapi hasil yang diperolehi amat sedikit. Pengkaji sendiri menyaksikan kes di Kampung Langkap, dalam tempoh seminggu paling banyak hanya 2 ekor babi yang terkena jerat. Sementara untuk mendapatkan ikan setiap hari ada yang terpaksa keluar dari pukul 9.00 pagi - 1.00

tengahari dan mereka hanya membawa pulang 2 - 3 ekor ikan keli atau haruan.

Binatang seperti babi yang diperolehi akan dibahagi-bahagikan mengikut tumpok kepada semua isi rumah. Ini bermakna 2 ekor babi yang diperolehi seminggu perlu dikongsi dengan purata isi rumah seramai 5.4 orang. Tentunya jumlah ini tidak mencukupi, dan seringkali juga penduduk di Langkap memakan ubi tanpa berlauk atau hanya berlauk pucuk-pucuk hutan yang direbus dengan garam. Ada juga di antara penduduk yang tidak makan selama dua atau tiga hari kerana ketiadaan lauk, dan mereka hanya bergantung kepada teh atau kopi sahaja sebagai pengalas perut.

Di Batu Tiga walaupun masih ramai isi rumah yang berada di bawah garis kemiskinan, dan jumlah pendapatan mereka tidak mencukupi untuk menampung keperluan harian. Tetapi keadaan mereka kurang mendesak. Ini disebabkan wujud berbagai altenatif untuk mengatasinya.

Sumber protein masih boleh diperolehi dengan membeli ikan dari penjaja, atau memperolehi ikan yang dibawa pulang oleh suami yang bekerja di kilang baja (memproses ikan menjadi baja). Jika ikan dari kilang tidak dapat dibawa pulang mereka masih boleh menangkap ikan di banyak tempat. Misalnya di paya, laut, sungai Rompin, dan sungai-sungai

kecil berhampiran dengan kampung. Altenatif lain juga boleh dilakukan bagi mengatasi masalah mendapatkan makanan. Penduduk Batu Tiga berpeluang memperolehi pendapatan sampingan melalui kerja-kerja bermusim.

Ketiadaan atau kekurangan pendidikan secara formal yang diberi atau diterima juga merupakan antara penyebab masalah kemiskinan berterusan. Walaupun pihak JHEOA telah menyediakan berbagai kemudahan untuk memberi peluang kepada anak-anak masyarakat Jakun mendapat pendidikan.

Tetapi sehingga kini kadar keciciran di kalangan pelajar Orang Asli masih berada pada tahap yang tinggi. Dari sejumlah 2, 762 orang pelajar Orang Asli yang bersekolah diperingkat rendah, hanya 415 orang sahaja yang melanjutkan pelajaran ke peringkat sekolah menengah. Keciciran pelajar lebih tinggi di peringkat sekolah rendah terutamanya semasa darjah tiga (Williams-Hunt 1994).

Kekurangan dan ketiadaan pendidikan boleh menyebabkan seseorang individu tidak mempunyai keyakinan diri untuk berdepan dengan suasana baru. Selain dari itu ia juga menghadkan individu terbabit sukar memperolehi peluang pekerjaan yang lebih baik. Dengan itu usaha untuk memajukan diri serta meningkatkan taraf sosio ekonomi menjadi lebih lambat.

Didapati antara sebab kenapa pendidikan kurang diberi penekanan ialah faktor kemiskinan. Walaupun pada dasarnya JHEOA menyediakan segala kemudahan tempat tinggal di asrama dan keperluan persekolahan lain secara percuma, tetapi ibu bapa masih perlu menyediakan perbelanjaan untuk keperluan diri anak-anak mereka. Bagi ibu bapa di Langkap keadaan ini tentunya menjadi masalah besar kerana mereka tidak mampu menyediakan keperluan yang secukupnya untuk keluarga. Oleh itu untuk menampung keperluan anak-anak yang bersekolah hampir menjadi satu perkara yang mustahil. Keadaan ini ditambah lagi dengan sikap kebanyakan ibu bapa yang keberatan menerima pandangan bahawa pendidikan boleh membantu masyarakat Orang Asli memperbaiki keadaan.

Anak-anak yang menjadi harta kepada golongan miskin, dan menjadi sebahagian daripada sumber tenaga kerja walaupun masih muda. Sama ada anak lelaki atau perempuan kedua-duanya penting untuk membantu keluarga melakukan kerja-kerja seperti membantu ibu bapa menjalankan aktiviti ekonomi. Di samping kerja-kerja harian lain seperti mengangkat air, menjaga adik, mencari kayu api, membantu aktiviti menuba, dan meramu hasil hutan atau menjadi buruh bermusim. Sekiranya anak-anak dihantar ke asrama atau bersekolah maka sumber tenaga kerja untuk melakukan aktiviti ekonomi dan urusan sehari-hari menjadi berkurangan.

Ketiadaan inspirasi yang boleh memotivasi kanak-

kanak dan keluarga Orang Asli membantutkan usaha meningkatkan taraf pendidikan di kalangan masyarakat Orang Asli. Tidak ada individu yang dapat dijadikan *role model* untuk mencapai kejayaan di dalam bidang pendidikan di kedua-dua kampung. Sebaliknya masing-masing merasakan tidak ada bezanya sama ada mereka bersekolah atau tidak. Apa lagi untuk menyambung pendidikan keperingkat yang lebih tinggi.

Di Kampung Batu Tiga misalnya, hanya terdapat seorang penduduk yang berjawatan tetap dan bekerja sebagai anggota tentera laut. Beliau menjadi contoh dan ikutan kepada kanak-kanak lelaki untuk mengikut jejak langkah beliau. Manakala bagi mereka yang menamatkan pelajaran sehingga lulus SRP mereka berpeluang mendapat pekerjaan sebagai kerani pembalakan. Walau bagaimanapun peluang-peluang ini hanya terhad kepada golongan lelaki sahaja.

Masalah pendidikan yang rendah membentuk keadaan yang lebih lambat dalam proses memajukan dan meninggikan taraf sosio ekonomi masyarakat Jakun. Oleh itu mereka kini masih dibelenggu kemiskinan.

7.2 Kekurangan Kuasa Politik

Dalam politik *mainstream* Orang Asli diletak di bawah pentadbiran JHEOA. Pihak jabatan mempunyai kuasa penuh terhadap masyarakat Orang Asli. Segala urusan berhubung

dengan masyarakat Orang Asli diuruskan oleh pihak jabatan, sehingga timbul sindiran di kalangan sesetengah kakitangan jabatan. Mereka dikatakan masyarakat yang paling beruntung kerana semenjak di dalam kandungan sehingga mereka meninggal dunia. Semua urusan seperti makanan, pendidikan dan peralatan sekolah, rumah (PPRT), bantuan sumber ekonomi, pengurusan mengambil dan menghantar ke hospital, dan lain-lain dilakukan oleh jabatan.

Pergantungan masyarakat Orang Asli terhadap jabatan mempunyai banyak implikasi baik dan buruk. Implikasi yang paling jelas memperlihatkan kepada kita bertapa prihatinya kerajaan negara ini memerlukan satu jabatan khas untuk membantu mengurus dan mentadbir golongan minoriti ini. Walau bagaimanapun pembentukan asal jabatan lebih kepada tujuan keselamatan negara dari ancaman komunis. Selain dari itu peruntukan Akta 134 turut memperlihatkan dengan jelas pergantungan masyarakat Orang Asli kepada jabatan.

MacLellan (1985) turut mengakui Akta 134 1954, yang disemak semula 1974 membenarkan masyarakat Orang Asli dikuasai sepenuhnya oleh kuasa tertinggi seperti Sultan atau menteri. Masyarakat Orang Asli juga diletakan di bawah pentadbiran satu jabatan khas yang mengukuhkan lagi penguasaan ke atas komuniti ini.

Menerusi Akta 134 juga memperlihatkan sekatan ke atas

masyarakat Orang Asli daripada memiliki tanah secara mutlak. Alasan yang diberikan ialah bagi mengelakan tanah simpanan Orang Asli dijual kepada masyarakat luar. Oleh itu sehingga kini masyarakat Orang Asli hanya mempunyai hak menggunakan tanah di kawasan yang telah direzabkan oleh kerajaan negeri. Walaupun usul ini mendapat perhatian dan sering diperkatakan dalam dialog dan perbincangan, namun sehingga kini usaha ini belum menampakkan hasil.

Tanpa pemilikan tanah secara sah oleh individu atau masyarakat, menyukarkan mereka dibangunkan. Misalnya bantuan oleh pihak RISDA tidak dapat diperolehi oleh masyarakat Orang Asli untuk membangunkan tanah. Scenario ini disebabkan agensi ini hanya membantu memajukan tanah terbiar atau tanah yang tidak mendatangkan hasil khusus kepada tanah yang bergeran sahaja. Lantaran masyarakat Orang Asli yang tidak mempunyai memiliki tanah secara sah menyebabkan usaha ini tidak berhasil.

Peruntukan undang-undang yang menetapkan bahawa sesiapa sahaja yang ingin memasuki ke kawasan perkampungan masyarakat Orang Asli perlu terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis, adalah tidak wajar. Peruntukan undang-undang ini seolah-olah cuba mengasingkan masyarakat Orang Asli dengan masyarakat luar. Keadaan ini kelihatan bercanggah dengan matlamat JHEOA untuk mengintegrasikan masyarakat Orang Asli dengan masyarakat umum yang lain.

Pengaruh kawalan ke atas ketua kampung atau *batin* yang ditauliahkan seperti kes di Batu Tiga kelihatan seolah-olah menyekat kebebasan komuniti ini. Masyarakat ini tidak berpeluang untuk menentukan hak dan keinginan mereka memandangkan segala bentuk keputusan dan tindakan yang membabitkan anggota komuniti perlu dirujuk kepada jabatan. *Batin* kini bukan lagi menjadi individu yang berhak memutuskan sesuatu perkara atau keputusan. Fungsi dan peranan beliau kelihatan hanya sebagai orang perantara pihak jabatan dan penduduk kampung. Beliau hanya menerima arahan daripada pihak pentadbir dan menyampaikan kepada penduduk kampung.

Sementara bagi penduduk di Langkap fenomena kawalan oleh pihak jabatan ke atas *batin* kurang ketara. Pertama disebabkan kampung ini jarang dikunjungi oleh pihak pentadbir, dan kedua disebabkan *batin* di sini bukan merupakan *batin* yang bertauliah. Segala bentuk arahan yang perlu diikuti disampaikan kepada *batin* yang ditauliahkan menjaga kampung Langkap. Namun disebabkan kedudukan Kampung Langkap terpisah jauh dari Kampung Jubau yang ditadbir oleh *batin* bertauliah, maka kampung Langkap bebas dari kawalan oleh pihak jabatan.

Implikasi hasil pergantungan masyarakat minoriti ini terhadap JHEOA sebenarnya tidak menguntungkan golongan minoriti ini, kerana mereka tidak mempunyai kuasa untuk

menentukan kehendak dan keperluan masyarakat sendiri. Kewujudan mereka sebagai kelompok minoriti kecil turut menghadkan *political will* (Williams-Hunt 1994) untuk bersaing dengan kumpulan majoriti lain.

Dengan hanya mempunyai seorang senator di Dewan Negara yang dilantik untuk mewakili golongan minoriti ini menyuarakan hak mereka di Parlimen tentunya menyaksikan keupayaan yang terbatas. Keterbatasan beliau dalam membuat keputusan berhubung dengan keputusan politik masyarakat Orang Asli ditambah lagi dengan kurangnya penglibatan masyarakat ini di dalam politik di peringkat negeri dan daerah.

Walau bagaimanapun ini tidak bermakna masyarakat Orang Asli tidak melibatkan diri dalam politik. Sebaliknya kesedaran berpolitik di kalangan masyarakat ini masih berada pada tahap awal. Keadaan ini menyebabkan mereka tidak berupaya memperolehi *political will* dan seterusnya memperolehi hak yang sama dengan warga negara lain. Ini boleh dibuktikan dengan hanya seorang perwakilan di Parlimen yang mewakili lebih dari 80,000 orang Orang Asli seluruh negara.

Sikap dan penyertaan politik di kalangan Orang Asli khususnya berhubung dengan parti-parti politik di Malaysia amat terhad. Di peringkat daerah misalnya, penglibatan

masyarakat Orang Asli dan suku Jakun khususnya dalam politik lebih tertumpu kepada parti politik yang memerintah seperti UMNO. Bagi mereka yang mempunyai kesedaran terhadap hak mereka sebagai warganegara yang diabaikan mereka menyertai Semangat 46. Namun penglibatan mereka sebahagian besarnya terhad kepada keanggotaan sebagai ahli biasa sahaja. Menurut Itam Wali (1993) penyertaan Orang Asli dengan parti-parti politik adalah hasil pengaruh daripada ahli-ahli politik tertentu yang berkehendakan pengaruh dan sokongan untuk kepentingan mereka.

Dalam hal ini didapati penduduk di Batu Tiga lebih terdedah dengan fenomena berpolitik berbanding dengan penduduk di Langkap. Di Langkap kesedaran untuk berpolitik tidak wujud langsung kerana kekurangan pendedahan dengan dunia politik moden seperti yang ada hari ini. Mereka tidak menyertai mana-mana pertubuhan politik seperti yang berlaku di Batu Tiga, malah jauh sekali untuk mengundi setiap kali pilihanraya umum berlangsung.

Kini masyarakat Orang Asli seluruh negara mula menyedari kepentingan dan hak mereka sebagai warganegara Malaysia. Keinginan dan hak mereka telah disuarakan melalui satu-satunya persatuan yang mewakili masyarakat Orang Asli. Persatuan ini dikenali dengan nama POSAM atau Persatuan Orang Asli Semenanjung Malaysia. Tujuan POSAM ditubuhkan ialah untuk melindungi kepentingan Orang Asli seluruh

negara. Ia ditubuhkan pada tahun 1977, dan keahliannya terbuka kepada semua masyarakat Orang Asli yang berusia 16 tahun dan ke atas. Sehingga tahun 1994 POSAM mempunyai 29 bahagian dan 78 cawangan membabitkan 11,000 orang ahli. Sehingga tempoh yang sama Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat telah memperuntukan sejumlah RM62,000 untuk membiayai kegiatan POSAM (Berita Minggu 2hb. Oktober 1994).

Dengan penubuhan POSAM ini diharap masyarakat Orang Asli seluruh negara akan dapat memperjuangkan hak dan kepentingan mereka. Di samping mereka dapat mengembalikan *political will* untuk sama-sama mengecapi nikmati pembangunan melalui matlamat POSAM (lihat lampiran 3).

7.3 Perubahan Sikap

Dalam usaha membangunkan masyarakat Orang Asli ke arah satu tahap sosio ekonomi yang lebih baik, dan seiring dengan masyarakat nasional yang lain, maka perubahan sikap harus dilakukan. Sikap dan nilai yang ada pada manusia penting dalam menentukan tahap perubahan. Masyarakat yang mempunyai sikap dan nilai yang mudah menerima sesuatu perkara baru lebih mudah diindustralisasikan. Sikap dan nilai ini dibahagikan kepada aspek seperti kepercayaan, dan etnosentrik budaya (Foster 1973).

kepercayaan yang wujud di dalam masyarakat menjadi penentu kepada perubahan sikap dan nilai, sama ada masyarakat tradisi atau masyarakat industri keduanya mempunyai fahaman yang berbeza. Kedua entnosentrik budaya yang menjadikan seseorang individu tersebut merasa bangga dengan apa yang dimiliki dan tidak ingin mengubahnya. Sikap ini boleh menyebabkan individu atau masyarakat tersebut sukar menerima perubahan.

Perubahan sikap yang dimaksudkan melibatkan dua pihak. Pertama sikap di kalangan masyarakat Orang Asli sendiri dan kedua sikap di kalangan masyarakat bukan Orang Asli termasuk pemimpin masyarakat, pegawai kerajaan, dan agensi yang berkaitan (Ungku Abdul Aziz 1989). Kedua-dua pihak harus bersifat positif agar segala usaha untuk membangunkan Orang Asli mencapai kejayaan.

Sikap ini seharusnya diubah dan disesuaikan dengan keadaan. Contohnya dalam amalan pantang larang semasa isteri mengandung, dan selepas melahirkan anak. Menurut amalan tradisi suku Jakun, seorang suami tidak boleh melakukan aktiviti seperti menganyam rotan, memaku, menimbus tanah, dan meracun. Sekiranya pantang ini tidak dipatuhi ia boleh menyebabkan isteri keguguran atau anak tersebut akan sakit.

Bagi mengelakan sebarang kejadian buruk dan kejadian

yang tidak diingini berlaku, maka pantang larang ini dipatuhi. Oleh itu sepanjang tempoh berpatang bermakna golongan lelaki terpaksa membataskan diri daripada melakukan aktiviti yang boleh meningkatkan sumber pendapatan.

Kepercayaan ini sedikit sebanyak mempengaruhi usaha ke arah membangunkan ekonomi masyarakat Jakun. Ini dikaitkan dengan tempoh berpantang oleh seorang suami yang agak panjang. Bermula dari isteri mengandung sehingga anak yang dilahirkan berusia satu bulan sepuluh hari. Jumlah keseluruhan tempoh berpantang seorang suami menjadi 10 bulan 10 hari. Dalam tempoh berpantang ini seseorang lelaki tidak boleh melakukan kerja-kerja seperti yang disebutkan. Keadaan ini menjadi lebih buruk apabila kelahiran anak yang lebih kerap. Pastinya pantang ini menghalang usaha ke arah membangunkan taraf sosio ekonomi menemui jalan buntu.

Masyarakat Jakun juga tidak terkecuali daripada sikap dan nilai yang mudah berpuas hati sekiranya keperluan asas hidup seperti makanan dan pakaian sudah diperolehi. Misalnya apabila mereka selesai melakukan sebarang pekerjaan dan memperolehi sejumlah wang yang agak banyak serta mencukupi untuk satu tempoh yang agak lama, mereka akan pulang ke kampung dan tidak bekerja untuk satu jangka waktu. Wang tersebut akan dibelanjakan untuk keperluan harian dan juga dibuat jamuan. Mereka hanya akan kembali

semula bekerja apabila kehabisan wang.

Sikap murah hati dan semangat tolong menolong sememangnya baik diamalkan. Tetapi sekiranya keterlaluan ia boleh mendatangkan keburukan. Sikap baik yang menjadi amalan masyarakat Jakun ialah bantu membantu dan tolong menolong saudara mara dan sahabat handai yang berada dalam kesusahan. Sikap baik ini menyebabkan mereka tidak mempunyai amalan menyimpan wang atau barang untuk kegunaan semasa kecemasan. Mereka akan mengagihkan wang atau barang kepada anggota keluarga dan jiran tetangga sekiranya mereka memperolehinya. Sikap tidak sanggup membiarkan saudara mara dan rakan-rakan mereka dalam kesusahan menyebabkan mereka tidak bersedia sekiranya berlaku kecemasan. Sebaliknya mereka mengharapkan bantuan daripada orang yang pernah dibantu.

Cara mendidik anak di kalangan masyarakat Jakun juga dilihat sebagai sesuatu yang perlu diubah. Dalam mendidik anak-anak, suku Jakun tidak sesekali menegur atau melarang, apa lagi untuk memukul. Kanak-kanak mempunyai kebebasan sepenuhnya untuk melakukan sebarang tindakan. Ibu bapa tidak melarang, menegur atau memukul anak-anak kerana mengikut kepercayaan mereka anak-anak dianggap sebagai suci, bersih, dan mereka dianggap tidak melakukan perkara-perkara buruk. Mereka juga mempercayai bahawa sekiranya anak-anak dimarahi dan dipukul, maka mereka akan mengulangi

semula perbuatan tersebut kepada kedua ibu bapa apabila besar. Kebebasan kanak-kanak ini sedikit sebanyak menyumbang kepada kadar keciciran yang tinggi di kalangan pelajar-pelajar Orang Asli. Disebabkan sikap ibu bapa yang membenarkan anak-anak membuat keputusan untuk tidak bersekolah atau berhenti sekolah.

Sikap suka menghabiskan wang untuk tujuan yang kurang berfaedah seperti berjudi, meminum arak, melanggan pelacur, dan membeli nombor ramalan juga seharusnya diubah. Sikap suka membazir sebegini sebenarnya menjadikan masalah kemiskinan dan kemunduran lebih serius. Seharusnya sikap-sikap tidak baik seperti yang disebutkan perlu dielakan dan diatasi, sekiranya masyarakat Jakun ingin mencapai satu tahap pembangunan sosio ekonomi yang setara dengan masyarakat nasional yang lain.

Selain dari sikap masyarakat Jakun yang dilihat sebagai punca yang menyebabkan kemunduran dan perubahan lambat berlaku. Sikap masyarakat bukan Orang Asli juga turut menyumbang ke arah fenomena ini. Masyarakat bukan Orang Asli yang dimaksudkan termasuk individu yang mewakili agensi yang terbabit secara langsung dengan masyarakat Jakun, dan individu yang terbabit secara personal seperti peniaga dan orang tengah.

Sikap etnosentrik masyarakat bukan Orang Asli terhadap

masyarakat Jakun dikenal pasti sebagai punca utama masalah ini. Masyarakat Orang Asli sering dilemparkan dengan tanggapan-tanggapan dan prasangka-prasangka negatif. Masyarakat Orang Asli masih dianggap sebagai masyarakat yang primitif, kurang mementingkan pembangunan dan ada yang menganggap sebagai masyarakat yang anti pembangunan (Williams-Hunt 1994). Segala bentuk pembangunan yang dirancang dianggap akan dipersiakan oleh masyarakat Orang Asli. Akibatnya masyarakat Orang Asli diketepikan dalam program pembangunan, dan sekiranya program pembangunan dilakukan ia sekadar melepaskan batuk ditangga.

Diskriminasi juga turut dilakukan terhadap masyarakat Orang Asli, dan ia sering berlaku di antara masyarakat Orang Asli dan masyarakat Melayu. Contoh yang paling jelas dan sering dipersoalkan oleh masyarakat Orang Asli khususnya masyarakat Jakun di sekitar Daerah Rompin ialah berhubung dengan penyaluran bekalan air, elektrik, dan pembinaan jalan kampung. Seringkali masyarakat Jakun yang menetap di kawasan yang tersepit di antara dua buah kampung Melayu menjadi mangsa kepada diskriminasi. Sikap diskriminasi ini pernah disuarakan oleh Wan Zawawi (1993), yang melakukan kajian di kalangan komuniti Jakun di kawasan Pahang Tenggara. Diskriminasi ini diperkuuhkan dengan kes yang berlaku di Kampung Mecupu yang terletak di antara kampung Melayu dan RPS Lepar. Kedua-dua kawasan penempatan tersebut iaitu Kampung Tebat dan RPS Lepar disalurkan

dengan bekalan elektrik, tetapi tidak di kampung Mecupu yang terletak ditengah-tengah kedua kawasan penempatan tersebut.

Perasaan tidak puas hati dengan keadaan ini telah disuarakan oleh salah seorang dari ahli POSAM.

All the villagers on the left and right of the village (Mecupu) have electricity but the line is somehow 'cutoff' in the middle when reaching the village, but continues again on the other end. We hope that in bringing development to the community, discrimination should not be practised and stringent terms of land development should not be applied for this would mean that our people would forever be in darkness (1990).

Dipetik dari Wan Zawawi (1993)

Kemudian apabila persoalan ini diajukan kepada DARA, iaitu agensi yang terbabit secara langsung dalam memaju dan membangunkan kawasan Pahang Tenggara, ulasan telah dibuat oleh pihak DARA. Bekalan elektrik tidak disalurkan ke Kampung Mecupu disebabkan tidak ada inisiatif yang dilakukan oleh pihak JHEOA (Wan Zawawi 1993). Keadaan ini membuktikan sikap kurang prihatin dengan keperluan suku Jakun dan Orang Asli keseluruhannya masih berlaku di kalangan agensi yang terbabit.

JHEOA merupakan agensi utama yang dipertanggungjawabkan untuk mengurus dan mentadbir masyarakat Orang Asli paling banyak menerima teguran dari

berbagai pihak. Jabatan ini dianggap kurang berfungsi dan melaksanakan program yang kurang berkesan kepada masyarakat Orang Asli (Amran 1993). Ia juga diakui oleh Yahaya (1994) yang mewakili JHEOA. Beliau menjelaskan bahawa kemajuan masyarakat Orang Asli belum berada pada tahap yang memuaskan walaupun perlaksanaan berbagai program dilakukan, dan perbelanjaan yang banyak telah diperuntukan. Masih ramai masyarakat Orang Asli yang miskin, mundur, dan tertinggal dalam banyak bidang.

Kegagalan pihak JHEOA ini dikaitkan dengan banyak sebab. Antaranya sikap masyarakat Orang Asli yang dikatakan kurang prihatin dengan perubahan disekeliling. Kedua ketiadaan pemimpin yang berkaliber di kalangan Orang Asli untuk menggerak dan mengubah masyarakat Orang Asli. Ketiga berdasarkan kepada pemilihan kawasan RPS yang tidak strategik dan kurang ekonomik lalu menyebabkan program RPS gagal. Keempat dikaitkan dengan sebab kedudukan masyarakat Orang Asli yang terletak jauh di pendalaman menyebabkan kemudahan asas sukar disalurkan. Kelima dikaitkan dengan pegawai dan kakitangan JHEOA yang tidak mempunyai kemahiran khusus dalam mengendalikan projek (Yahaya 1994).

Berdasarkan kepada lima sebab kegagalan di atas, hanya satu sebab sahaja yang membabitkan kelemahan JHEOA. Selebihnya empat lagi sebab kegagalan membangunkan masyarakat Orang Asli dikaitkan dengan masyarakat Orang

Asli sendiri dan pemilihan kawasan yang RPS yang salah.

Scenario ini memperlihatkan kepada kita semua bertapa beratnya masalah yang dialami oleh masyarakat Orang Asli. Ketidak berkesanan usaha memajukan komuniti ini dikatakan berpunca daripada mereka sendiri. Dalam hal ini mereka dilihat seolah-olah bersikap 'anti pembangunan'. Sedangkan realitinya masyarakat Orang Asli dahagakan pembangunan.

Sebab yang kelima boleh dilihat sebagai punca utama yang mempengaruhi kegagalan perlaksanaan program pembangunan masyarakat Orang Asli. Hakikat ini perlu dirujuk kepada tujuan penubuhan JHEOA sendiri, walaupun pada peringkat awal penubuhan lebih bersifat untuk menjaga keselamatan dari dipengaruhi ancaman komunis.

Namun tujuan tersebut telah mula berubah ke arah membangunkan dan memajukan masyarakat Orang Asli setanding dengan masyarakat nasional yang lain. Oleh itu sewajarnya pihak JHEOA seharusnya bersedia untuk menangani sebarang masalah yang berkaitan dengan masyarakat Orang Asli setelah 41 tahun ditubuhkan. Adalah tidak wajar sekiranya kegagalan menangani masalah yang berkaitan dengan masyarakat Orang Asli diletakan kepada masyarakat ini semata-mata. Andai kata masyarakat Orang Asli sendiri yang bersalah, pastinya ia boleh diperbetulkan oleh pihak yang dipertanggungjawabkan. Perlukah keadaan ini dibiarkan

sehingga semua pihak menuding jari menyalahkan jabatan terbabit.

Punca utama kegagalan membangunkan masyarakat Orang Asli boleh dikaitkan dengan kegagalan pihak terbabit menangani akar umbi masalah Orang Asli. Masalah tidak akan selesai sekiranya punca masalah tidak diteliti dan dikaji. Misalannya untuk mengatasi masalah kemiskinan di kalangan masyarakat Orang Asli, tidak boleh diatasi dengan hanya menyalurkan bantuan sumber ekonomi semata-mata. Sebaliknya kaedah untuk mengaplikasikan sumber serta teknik-teknik pengendalian sumber perlu diberi penekanan. Selain dari itu yang lebih penting bagaimana sumber tersebut dapat dimanfaatkan untuk meninggikan pendapatan mereka.

Apa yang sering berlaku ialah program pembangunan seperti pembangunan tanah, pertanian, dan ternakan jangka pendek, perniagaan kedai runcit, perusahaan kecil, dan pemerosesan hasil hutan, tidak dirancang dan dilaksanakan dengan teliti. Kebanyakan program lebih menekankan kepada pemberian modal sama ada berbentuk wang atau benih, baja serta racun serangga. Sedangkan aspek pengurusan sumber dan pasaran dipertanggungjawabkan sepenuhnya kepada masyarakat Orang Asli. Oleh itu kebanyakannya projek yang dilaksanakan oleh pihak JHEOA kebanyakannya berjaya untuk musim yang pertama sahaja. Untuk musim seterusnya projek tersebut terus berkubur.

Selain dari itu masalah juga timbul apabila program yang dirancang dan dilaksanakan perlu diaplikasikan kepada 18 suku bangsa Orang Asli. Sudah pasti kehendak dan keperluan setiap suku bangsa Orang Asli berbeza-beza mengikut taraf sosio ekonomi dan kedudukan masing-masing. Sedangkan perancangan dan perlaksanaan program dibuat seolah-olah hanya berdasarkan satu kumpulan masyarakat Orang Asli sahaja.

Alasan yang menyatakan kedudukan masyarakat Orang Asli yang mendiami kawasan yang jauh ke pendalaman menyulitkan penyeluran kemudahan asas juga tidak berasas. Masyarakat Jakun yang mendiami Kampung Langkap misalnya tidak boleh dikategorikan sebagai jauh ke pendalaman, memandangkan kedudukan mereka yang terletak kira-kira 6.5 Km dari jalan raya menuju ke bandar Muadzam dan Bukit Ibam. Alasan ketiadaan kemudahan bekalan air dan elektrik mungkin masih boleh diterima kerana ketidakmampuan penduduk.

Selain dari itu peruntukan rumah PPRT bagi mereka yang miskin dan daif juga tidak terdapat di Langkap. Walaupun jika dilihat hampir semua penduduk di Langkap layak menerima peruntukan rumah di bawah program PPRT. Malangnya tidak seorang dari penduduk di Langkap yang menerima kemudahan ini.

Satu perkara lagi yang perlu diambil kira dan tidak

seharusnya berlaku di Kampung Langkap ialah dari segi pendidikan. Tidak ada alasan yang munasabah untuk tidak memberi peluang kepada kanak-kanak penduduk di Langkap menerima pendidikan. Amat ganjil bunyinya, sebuah kampung yang didiami oleh seramai 109 orang penduduk melibatkan hanya dua orang sahaja yang bersekolah. Dua orang pelajar tersebut bersekolah disebabkan mereka tinggal bersama dato dan nenek sebelah ibu mereka. Jika mereka tinggal bersama kedua ibu dan bapa mereka di Langkap pastinya mereka juga menerima nasib yang sama dengan kanak-kanak di Langkap yang lain.

Kegagalan perlaksanaan program pembangunan juga boleh dikaitkan dengan kekurangan bantuan oleh pihak JHEOA. Seringkali alasan yang diberikan oleh pihak JHEOA ialah kekurangan peruntukan. Walau bagaimanapun alasan ini agak kurang munasabah disebabkan didapati 2/3 daripada peruntukan JHEOA digunakan untuk perbelanjaan mengurus sahaja (Williams-Hunt 1994). Perbelanjaan mengurus ini melibatkan pembayaran elaun kepada kakitangan jabatan yang melawat kampung-kampung Orang Asli dan bermalam di sana. Didapati terdapat segelintir kakitangan yang menyalahgunakan peluang tersebut dengan cuba menambahkan pendapatan melalui cara ini. Sedangkan tugas dan tanggungjawab mereka tidak dilaksanakan dengan efisyen, ini menyebabkan program yang dilaksanakan tidak memadai dengan ganjaran yang diterima.

Agensi lain yang turut terbabit secara tidak langsung dengan masyarakat Orang Asli juga tidak terlepas daripada sikap kurang prihatin terhadap masyarakat Orang Asli. Masing-masing menyerahkan segala tugas dan tanggungjawab untuk memajukan masyarakat Orang Asli kepada JHEOA semata-mata. Walaupun pada hakikatnya fungsi dan peranan yang seharusnya dimainkan oleh agensi terbabit tidak membataskan peranan mereka hanya kepada masyarakat bukan Orang Asli. Sepatutnya setiap agensi yang terbabit secara tidak langsung perlu saling bantu-membantu dengan berkongsi kepakaran dalam melaksanakan program pembangunan masyarakat Orang Asli. Manakala di pihak JHEOA seharusnya menunjukkan sikap yang lebih prihatin dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka supaya agensi lain tidak memandang rendah dengan keupayaan JHEOA.

Sikap masyarakat bukan Orang Asli yang melibatkan individu yang berinteraksi dengan masyarakat Orang Asli juga harus diubah. Individu yang terbabit secara langsung dengan masyarakat Orang Asli terdiri daripada masyarakat Melayu, Cina, dan India. Walau bagaimanapun interaksi di antara masyarakat Melayu dan Cina paling jelas.

Seringkali interaksi di antara masyarakat Melayu dan Cina dengan Orang Asli dikaitkan dengan sikap suka mengambil kesempatan ke atas kelemahan masyarakat Orang Asli. Di kalangan masyarakat Orang Asli wujud sikap

prasangka negatif terhadap orang Melayu (Zainal 1993). Misalannya dalam urusan jual beli di antara masyarakat terbabit dengan Orang Asli. Masyarakat Orang Asli sering ditipu oleh peniaga dan orang tengah yang berurusan dengan mereka. Mereka terpaksa membeli barang dengan harga yang lebih tinggi dari yang dibeli oleh masyarakat Melayu, Cina, dan India. Manakala harga yang dibayar kepada hasil hutan yang dijual oleh mereka amat rendah. Contoh yang paling jelas tentang harga barang yang tinggi boleh dilihat kepada harga susu pekat manis yang biasa dijual kepada penduduk di Langkap dengan harga RM1.70 sen satu tin. Sedangkan barang yang sama, dan di tempat yang sama dijual kepada pengkaji dengan harga RM1.50 sen.

Bentuk penipuan juga dilakukan melalui pemberian barang-barang makanan sebagai ganjaran kepada upah atau bayaran kepada hasil yang dijual. Penipuan ini lebih sering dilakukan oleh taukeh yang membeli rotan dari masyarakat Orang Asli. Barang makanan yang dihantar melibatkan beras, tepung, ikan kering, gula, dan garam. Penipuan sering dilakukan dengan pembelian tanpa resit, dan menyatakan jumlah harga barang makanan tersebut melebihi dari harga atau upah yang boleh diterima oleh mereka. Oleh itu setiap kali mereka mengikut kumpulan berotan mereka pulang dengan tidak membawa wang sebaliknya mereka pulang dengan membawa hutang.

Walaupun didapati masyarakat Melayu dan Cina sering berurusan dalam urusan jual beli, namun di mata masyarakat Orang Asli kedua-dua kelompok etnik ini mempunyai prestij yang berbeza. Prestij yang lebih tinggi diberikan kepada masyarakat Cina disebabkan keupayaan masyarakat Cina menyokong kehidupan mereka semasa di dalam kesusahan (Zainal 1993). Misalnya mereka boleh meminjam wang pendahuluan daripada taukeh sebelum kerja mereka selesai dilakukan. Selain dari itu masyarakat Cina lebih dipandang tinggi disebabkan mereka tinggal di bandar, mempunyai rumah batu, dan mempunyai kereta.

Perubahan sikap di kalangan masyarakat Orang Asli dan masyarakat bukan Orang Asli seharusnya diubah. Sikap yang berbentuk negatif seharusnya dihapuskan oleh kedua-dua belah pihak. Perubahan ini perlu dilakukan sekiranya matlamat dan objektif untuk memaju dan membangunkan masyarakat Orang Asli seiring dengan masyarakat nasional yang lain.

7.4 Kesimpulan

Dalam usaha merealisasikan falsafah pembangunan di kalangan masyarakat Orang Asli umumnya dan suku Jakun khususnya, berbagai strategi telah dirancang dan dilaksanakan. Antara strategi yang dibentuk menerusi program pembangunan dirancang meliputi pembangunan ekonomi

dan perkhidmatan sosial. Pembangunan ekonomi merangkumi program pembangunan tanah, perusahaan dan industri, bimbingan usahawan, ternakan dan perikanan, dan lain-lain. Manakala perkhidmatan sosial meliputi perkhidmatan pendidikan, kesihatan, perumahan, dan pembangunan rohani.

Di samping itu program pembangunan dirancang, masyarakat Jakun juga turut terdedah dengan program pembangunan umum. Program ini meliputi aktiviti yang dilaksanakan untuk pembangunan tetapi pembangunan tersebut bukan bertujuan untuk kepentingan komuniti ini. Sebaliknya ia bersifat lebih menyeluruh tanpa mengira kaum. Misalnya kemudahan prasarana yang melibatkan pembinaan jalan raya, bekalan elektrik, dan bekalan air bersih.

Berdasarkan kepada perbincangan kedua-dua bentuk pembangunan ini, didapati kedua-duanya meninggalkan perubahan kepada komuniti Jakun yang dikaji (misalnya rujuk gambar 31,32,33,34,35,36,37). Perbezaannya di antara keduanya merujuk kepada darjah perubahan yang berlaku. Didapati bentuk pembangunan umum meninggalkan kesan perubahan yang lebih ketara berbanding pembangunan dirancang. Perubahan yang berlaku kesan daripada pembangunan umum boleh dilihat dari aspek ekonomi, dan sosio budaya.

Di Langkap, penduduknya didapati tidak berpeluang

mendapat manfaat dari sebarang program pembangunan yang dirancang, khususnya sebelum kedatangan pengkaji. Tidak terdapat sebarang projek pembangunan dilaksanakan di kampung ini. Komuniti Jakun di Langkap didapati jauh ketinggalan disebabkan perlaksanaan program pembangunan yang dirancang tidak sampai kepada mereka.

Sebaliknya mereka diancam kekurangan makanan yang serius kerana hutan yang menjadi sumber mencari rezeki mereka semakin pupus. Penebangan hutan untuk tujuan pembangunan umum telah mengancam kehidupan mereka untuk memperolehi hasil hutan. Pergantungan mereka terhadap kerja *berbuluh* dan *berotan* tidak menjanjikan pendapatan yang lumayan. Sebaliknya kesan yang diterima menjadikan mereka sebagai satu daripada komuniti yang berada dibawah garis kemiskinan mutlak.

Keadaan ini menjadi lebih buruk dengan ketiadaan peluang untuk mendapat pendidikan. Kesan ketiadaan pendidikan seterusnya menyekat peluang untuk memperolehi sebarang pekerjaan yang memerlukan kelulusan atau sekurang-kurangnya keupayaan untuk menulis dan membaca. Fenomena ini menimbulkan persoalan tentang kesediaan komuniti Jakun menyahut cabaran 2020.

Hanya dari aspek kesihatan sahaja komuniti Jakun di Langkap mendapat faedah dari program pembangunan yang

dirancang. Perkhidmatan kesihatan yang diterima dari pusat kesihatan berhampiran menerusi *clinic session* setiap bulan telah berupaya meninggikan taraf kesihatan komuniti ini. Di samping itu perkhidmatan kesihatan yang ditawarkan juga membantu golongan wanita di Langkap mempelajari kaedah penyediaan makanan berkhasiat untuk keluarga.

Namun selepas kedatangan seorang 'pengkaji wanita' ke lihatan kampung ini mula mendapat perhatian pelbagai pihak. Projek-projek pembangunan mula dirancang dan dilaksanakan meliputi pembangunan ekonomi dan infrastruktur. Walau bagaimanapun kejayaan projek ini tidak dapat dipastikan.

Penduduk di Batu Tiga didapati lebih beruntung berbanding dengan penduduk di Langkap. Penyediaan kemudahan di bawah program pembangunan Orang Asli dapat dinikmati. Antaranya peluang untuk mendapat pendidikan diperingkat pra sekolah, sekolah rendah, sekolah menengah, kemudahan dewan serba guna, rumah PPRT, dan projek ekonomi kecil. Keadaan ini menjadikan penduduk di Batu Tiga berada pada tahap ekonomi dan sosial yang lebih baik.

Penyediaan bekalan elektrik melalui program pembangunan umum memberi peluang kepada penduduk di Batu Tiga menggunakan pelbagai peralatan elektrik termasuk media elektronik. Menerusi penggunaan media elektronik memberi

peluang pendedahan kepada masyarakat setempat secara lebih meluas. Di samping itu penduduk di Batu Tiga juga berpeluang mendapat maklumat menerusi media cetak.

Seperkara lagi berhubung dengan pembangunan umum melibatkan penyediaan bekalan air bersih, sama ada melalui paip air JBA, perigi yang digali oleh Pejabat Kesihatan, atau perigi yang digali sendiri oleh penduduk. Penyediaan bekalan air bersih berupaya meningkatkan taraf kesihatan yang lebih baik. Masyarakat di Batu Tiga dapat mengelakkan diri dari penyakit berjangkit bawaan air.

Pembinaan satu bentuk sistem jalan raya yang sempurna juga terkandung di bawah program pembangunan umum. Menerusi pembinaan jalan raya yang sempurna menjadikan sesuatu kawasan menjadi tumpuan pelbagai jenis kegiatan ekonomi. Didapati menerusi pembangunan ini menyebabkan penduduk di Batu Tiga khususnya melibatkan diri dengan pelbagai kegiatan ekonomi pasaran. Namun, walaupun penduduk di Langkap tidak mempunyai satu bentuk sistem jalan raya yang sempurna, mereka turut terlibat dengan kegiatan ekonomi komersial. Perbezaannya penglibatan masyarakat di Langkap dengan aktiviti pasaran masih terhad kepada penjualan bulu, dan rotan sahaja.

Perkembangan sistem ekonomi pasaran yang meluas telah melibatkan komuniti Jakun di kedua-dua kampung yang dikaji.

Hasil yang didapati menunjukan perubahan yang berlaku berpunca dari perkembangan sistem ekonomi pasaran. Melalui sistem ini komuniti Jakun telah diperkenalkan dengan kegiatan ekonomi berdasarkan wang, dan dengan wang segala keperluan dapat dipenuhi. Secara beransur-ansur aktiviti menghasilkan makanan untuk keperluan sendiri menerusi aktiviti pertanian, memburu, dan meramu hasil hutan berkurangan. Sebaliknya kegiatan tersebut telah diganti dengan tanaman komersial atau menjual tenaga untuk mendapat upah. Ini bermakna komuniti Jakun telah di bawa masuk ke dalam arena ekonomi dunia (cf. Zahid 1990) dan terpaksa menerima kesan negatif hasil perubahan pasaran ekonomi dunia. Perkembangan kegiatan ekonomi untuk tujuan pembangunan kawasan juga didapati telah meninggalkan kesan buruk dan menjadikan mereka makin dihimpit kemiskinan.

Perubahan yang berlaku bukan sekadar melibatkan kehidupan ekonomi, malah turut melibatkan perubahan sosio budaya masyarakat. Norma, nilai, dan kepercayaan tradisi yang menjadi amalan telah mula mengalami perubahan seiring dengan perubahan masa. Aspek berhubung dengan unsur bukan adat didapati terus mengalami perubahan secara berterusan. Perubahan ini berlaku mengikut pertimbangan faedah dan kesesuaian. Sedangkan aspek adat mengalami perubahan yang kurang ketara, kecuali berlakunya perkahwinan campur, dan wujudnya integrasi di antara kaum secara meluas.

Perubahan yang melibatkan unsur bukan adat lebih jelas berlaku di Batu Tiga disebabkan bentuk jalinan perhubungan mereka dengan unsur-unsur pembangunan dan perluasan hubungan dengan kumpulan etnik lain. Sebahagian besar dari ciri-ciri tradisi yang meliputi norma, nilai, dan kepercayaan penduduk di Batu Tiga telah banyak mengalami perubahan. Manakala penduduk di Langkap masih tebal dengan ciri-ciri tradisi komuniti Jakun.

Interaksi sosial yang terbentuk di antara masyarakat Jakun dengan masyarakat Melayu, Cina, India, dan lain-lain secara tidak langsung berlaku menerusi pembangunan umum. Contohnya perhubungan 'patron-client' wujud di kalangan masyarakat Cina, 'penjual-pembeli' di kalangan masyarakat Melayu, 'paderi-penganut' di kalangan masyarakat India, dan 'suami-isteri' di kalangan pendatang Indonesia.

Hasil interaksi sosial dengan masyarakat dari berlaian bangsa telah sedikit sebanyak mempengaruhi norma dan nilai tradisi masyarakat Jakun. Kesan yang berlaku menyebabkan masyarakat Jakun mula mengalami perubahan secara beransur-ansur.

Kesan dari pembangunan dan perubahan didapati masyarakat Jakun di Langkap dan Batu Tiga tidak lagi menjalankan aktiviti ekonomi sara diri sepenuhnya. Sebaliknya pergantungan mereka kepada kegiatan ekonomi

pasaran lebih ketara.

Perubahan corak kegiatan ekonomi turut meninggalkan kesan perhubungan dalam keluarga. Kini keluarga tidak lagi berfungsi sebagai satu unit pengeluaran. Keadaan ini meninggalkan kesan kepada perhubungan di antara suami-isteri dan ibu bapa-anak. Kini suami-isteri tidak lagi bersama-sama melakukan urusan sehari-hari. Pembahagian tugas di antara lelaki dan perempuan menjadi lebih ketara. Suami sebagai pencari nafkah, dan isteri sebagai pengurus rumah tangga. Sementara fungsi anak-anak sebagai sumber tenaga kerja sudah berubah. Walau bagaimanapun keadaan ini masih berlaku di Langkap.

Perubahan juga boleh dilihat menerusi gaya hidup dan rutin harian. Proses pembangunan didapati telah mempengaruhi gaya hidup dan rutin harian masyarakat Jakun khususnya penduduk di Batu Tiga. Jadual harian seorang suri rumah di Batu Tiga kini lebih sistematik dengan pembahagian waktu yang lebih khusus. Perubahan ini berlaku berikutan perubahan pola pekerjaan para suami.

Dari segi kepercayaan juga turut memperlihatkan perubahan yang nyata. Hasil interaksi dengan masyarakat luar turut mempengaruhi pola sistem kepercayaan. Masyarakat Jakun khususnya di Batu Tiga mula menganut agama besar seperti Kristian dan Islam.

Masyarakat didapati melakukan penyesuaian mengikut keadaan. Dalam hal ini didapati pengukuhan ikatan sosial mengalami perubahan. Jika di Langkap pengukuhan ikatan sosial dilakukan dengan cara berkumpul beramai-ramai setiap malam di rumah *batin* sambil bercerita. Namun di Batu Tiga keadaannya berbeza, pengukuhan ikatan sosial dilakukan dengan cara berkumpul beramai-ramai sambil menonton televisyen.

Kesan dari proses pembangunan turut mempengaruhi sikap dan nilai di kalangan para ibu bapa masyarakat Jakun. Menerusi pendidikan yang diterima menyebabkan para ibu bapa mempunyai sikap yang lebih terbuka dalam banyak perkara. Mereka turut memberi peluang yang sama kepada anak-anak perempuan untuk bersekolah dan seterusnya bekerja. Sikap dan pandangan mereka terhadap pendidikan sebagai salah satu dari cara meningkatkan status ekonomi begitu jelas. Anak-anak diberi peluang untuk bersekolah dengan harapan mendapat pekerjaan yang sesuai dengan taraf pendidikan yang diterima.

Proses pembangunan turut membentuk sikap dan pandangan yang berbeza di antara generasi. Jurang generasi ini wujud di antara mereka yang berpendidikan dan yang tidak berpendidikan. Kesan dari terbentuknya jurang generasi ini menyebabkan wujud dua kelompok individu dalam masyarakat. Pertama individu yang dahagakan pembangunan dan mudah

menerima perubahan yang berlaku. Kedua individu yang menolak pembangunan, dan sukar menerima perubahan yang berlaku.

Perbezaan kesan pembangunan di antara kedua-dua kampung berlaku disebabkan beberapa perkara. Pertama ketidak seimbangan penyaluran program pembangunan dirancang dan pembangunan umum. Kedua bentuk jalinan perhubungan di antara penduduk Batu Tiga dengan dunia luar yang lebih luas. Ketiga peluang meningkatkan taraf ekonomi penduduk di Batu Tiga lebih luas berbanding dengan penduduk di Langkap.

Sehingga kini usaha membangunkan masyarakat Jakun dengan menyalurkan berbagai program pembangunan masih belum menampakan kejayaan. Didapati masih ramai masyarakat Jakun yang berada pada tahap di bawah garis kemiskinan. Mereka juga masih ketinggalan dalam bidang pendidikan, dan yang lebih penting mereka berada dibelakang proses pembangunan.

Oleh itu untuk memastikan program pembangunan kepada masyarakat Jakun berjaya dan mencapai matlamat, maka sewajarnya terlebih dahulu masalah yang dialami perlu dikenal pasti. Sepatutnya komuniti ini perlu diberitahu tentang program kerajaan yang dirancang. Pihak perancang dan pelaksana juga tidak seharusnya mengabaikan pertimbangan budaya, kehendak masyarakat, dan visi masyarakat tentang dunia baru mereka (Hood 1980a).

Dalam satu-satu projek pembangunan yang sama didapati banyak pihak terlibat, dan masing-masing mempunyai tafsiran dan pengertian yang berbeza. Misalnya tafsiran oleh pembentuk dasar, pemilih, pentadbir, penilai, dan peserta pastinya berbeza-beza. Oleh itu untuk memastikan perlaksanaan pelan pembangunan yang berjaya, maka perlaksanaan perlu dimulakan serentak di kedua-dua penghujung. Pertama penghujung yang melibatkan kedudukan projek individu dan kedua penghujung kedudukan ekonomi makro (Lewis 1966). Tujuannya supaya kedua-dua pihak boleh membuat penyesuaian di antara satu sama lain. Dengan itu sekiranya keselarasan tidak dicapai di antara pelaksana dasar dan komuniti yang terlibat, maka kelemahan yang boleh membawa kegagalan pelan pembangunan boleh diatasi.

Untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh suku Jakun yang serba ketinggalan dan masalah Orang Asli secara umum, maka beberapa perkara perlu diberi perhatian. Perkara pertama yang perlu diberi perhatian ialah berhubung dengan masalah tanah. Sewajarnya Akta 134 perlu dibuat pindaan khususnya yang melibatkan aspek hak milik tanah. Selagi masyarakat Orang Asli tidak mempunyai pemilikan tanah maka selagi itu usaha untuk memaju dan membangunkan mereka tidak akan berjaya. Pemilikan tanah secara mutlak berupaya membentuk masyarakat Orang Asli yang lebih berdikari dan berdaya saing.

Kedua melibatkan masalah pendidikan di kalangan Orang Asli. Pendidikan yang menjadi saluran penting untuk proses integrasi dan mobiliti sosial dengan sistem kebangsaan (Hood 1984) seharusnya diberi penekanan. Sistem pendidikan kepada masyarakat Orang Asli perlu diatur supaya ilmu yang diterima membolehkan mereka menyerap sikap dan perspektif baru dan membolehkan mereka bersedia untuk bersaing dengan masyarakat moden yang lain (Ungku Aziz).

Ketiga perlu melatih para siswazah yang mempunyai kelulusan bersesuaian sebagai kakitangan yang mentadbir diperingkat tertinggi, di samping kakitangan bawahan yang mendapat latihan secukupnya. Latihan kepada kakitangan perlu khususnya yang melibatkan diri dengan pentadbiran pos dan pengurus projek. Tujuannya supaya setiap projek yang dirancang dan dilaksanakan sesuai dengan aspirasi masyarakat Orang Asli, dan mempunyai nilai komersial. Keselarasan kakitangan peringkat tinggi dan rendah penting dalam menjayakan semua program pembangunan yang dirancang.

Keempat, masalah orang tengah yang menyebabkan masyarakat Orang Asli terikat dengan hubungan *patron-client*. Golongan Orang Asli yang menjadi *client* kepada orang tengah telah merubah mereka dari keadaan *self-sufficient* kepada bergantung kepada ekonomi pasaran yang lebih luas. Pergantungan komuniti ini kepada orang tengah yang menjadi patron telah menyebabkan mereka terikat dengan


patron yang sama untuk menjual hasil pengelauran. Mereka tidak berpeluang menjual kepada orang lain walaupun harga yang ditawarkan lebih tinggi. Hubunga patron-client ini menyebabkan komuniti ini menanggung hutang seumur hidup dan ada yang terpaksa ditanggung oleh generasi anak-anak. Keadaan ini pastinya membantutkan usaha kearah pembangunan.

Kelima, berhubung dengan perubahan sikap yang perlu dilakukan oleh pihak Orang Asli dan pihak bukan Orang Asli. Perubahan ini perlu dilakukan supaya masyarakat Orang Asli akan dapat menikmati nikmat pembangunan yang sebenarnya. Seterusnya hak mereka sebagai salah satu daripada kumpulan bumiputera negara ini tidak dilupakan. Seterusnya sikap meletakkan golongan Orang Asli sebagai 'bumiputera kelas' dua dapat dihapuskan.

Akhir sekali perubahan bentuk hubungan 'pergantungan' di antara masyarakat Orang Asli dengan pihak jabatan perlu diubah. Perubahan ini perlu dilakukan agar masyarakat Orang Asli lebih mudah menerima proses pembangunan. Masyarakat Orang Asli tidak perlu lagi terus bergantung kepada jabatan untuk menentukan kehendak dan keperluan anggota masyarakatnya. Ini kerana ciri pergantungan menjadi penghalang utama kepada proses pembangunan. Kewujudan hubungan pergantungan ini bertujuan memudahkan urusan pentadbiran masyarakat Orang Asli. Seharusnya bentuk hubungan ini dihapuskan. Sebaliknya masyarakat Orang Asli

harus diberi peluang untuk menentukan masa depan masyarakat mereka sendiri.


Jelasnya pembangunan dirancang dan pembangunan umum telah membawa perubahan kepada komuniti Jakun dikedua-dua kampung. Perubahan-perubahan tersebut terpaksa dilakukan demi meneruskan kesinambungan hidup. Perbezaan yang ketara berlaku jika dibandingkan di antara Kampung Langkap dan Batu Tiga. Didapati komuniti Jakun di Langkap masih berupaya mengekalkan pengaruh ciri tradisi dalam kehidupan sehari-hari, dengan sedikit penyesuaian dilakukan. Manakala bagi penduduk di Batu Tiga didapati ciri-ciri perubahan lebih jelas dalam berbagai aktiviti sehari-hari. Perubahan ini selari dengan kehendak dan keperluan semasa, di samping hasil pengaruh interaksi dengan masyarakat Melayu dan Cina yang lebih luas.



Gambar 31 : Kanak-Kanak Di Langkap

Gambar 32 : Kanak-Kanak Di Batu Tiga





Gambar 33 : Gadis Di Langkap

Gambar 34 : Gadis di Batu Tiga






Gambar 35 : Wanita Di Langkap

Gambar 36 : Wanita Di Batu Tiga





Gambar 37 : Sebuah Keluarga Masyarakat Jakun Di Langkap
Gambar 38 : Sebuah Keluarga Masyarakat Jakun Di Batu Tiga

